



KEMALANGAN MISTERI.... kemalangan pertama keadaan kereta pacuan empat roda yang mengorbankan dua pasangan adik beradik sehari sebelum Tahun Baru China.

Tiga kemalangan di kawasan sama undang pelbagai persoalan

LABUAN: Tiga kemalangan jalan raya yang berlaku ditempat yang hampir sama di Jalan Batu Arang berhampiran Taman Miramar Wilayah Persekutuan Labuan sejak sebulan lalu mengundang pelbagai persoalan orang ramai, malah ada yang menganggap jalan ini sebagai jalan 'berhantu' kerana ketiga-tiga kemalangan yang berlaku di jalan itu membabitkan kemalangan sendiri yang semuanya berlaku lewat tengah malam.

Kejadian pertama berlaku sehari sebelum sambutan Tahun Baru Cina apabila sebuah kenderaan pacuan empat roda terbabas sehingga masuk ke kawasan sebuah rumah selepas melanggar sebatang pokok besar berhampiran jalan itu menyebabkan dua beradik maut manakala empat lagi yang lain cedera, tidak lama kemudian sebuah lagi kereta jenis Proton Staria terbabas, bagaimanapun pemandunya dikatakan bernasib baik kerana hanya mengalami cedera ringan.

Kejadian terbaru ialah pagi semalam apabila sebuah kereta mewah Mercedes Benz terbabas kira-kira 30 meter dari jarak tempat kejadian

sebelum ini menyebabkan kereta yang dipandu oleh warga Barat itu terbalik, bagaimanapun pemandu bersama seorang lagi rakannya yang menaiki kereta itu hanya mengalami kecederaan ringan.

Menurut Ketua Ketenteraman Awam dan Trafik IPD Labuan, ASP Hairol Majuki, polis masih lagi menjalankan siasatan dan pihak mangsa yang terlibat dalam kemalangan itu juga belum lagi membuat laporan polis kerana masih menerima rawatan di Hospital Nukleus Labuan.

Bagaimanapun katanya, menurut laporan awal, kejadian berlaku sekitar jam 2.30 pagi apabila kereta Mercedes Benz yang dipandu oleh warga Barat itu melanggar tiang lampu isyarat sebelum terbabas dan terbalik ke dalam sebuah kawasan rumah di Taman Miramar.

Dalam pada itu, Hairol menasihatkan orang ramai dan pengguna kenderaan supaya sentiasa berhati-hati ketika memandu di kawasan berkenaan yang telah dikategorikan sebagai kawasan kemalangan maut. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**



REMUK...kemalangan kedua ditempat yang sama menyebabkan kereta Proton Staria remuk teruk.



KEMALANGAN TERBARU...keadaan Mercedes Benz yang terbalik dalam kemalangan awal pagi semalam tidak jauh dari kawasan kemalangan pertama dan kedua di Taman Miramar.